

AL-BARAKAH DAN TABARRUK, SATU KAJIAN LITERATUR

THE BLESSING AND ASKING BLESSING, A LITERATURE STUDY

Khadijah Kamaruddin¹
Azhar Abdul Rahman²
Mohamad Zaid Mohd Zin³

¹ Kuliyyah Usuluddin, Sains al-Quran dan Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, (UNISHAMS) (Email: khadija@unishams.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perlis
(Email: azharabdulrahman@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Serawak
(Email: mohamadzaid@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 18-4-2024

Revised date : 13-5-2024

Accepted date : 15-6-2024

Published date : 30-6-2024

To cite this document:

Kamaruddin, K., Abdul Rahman, A., & Mohd Zin, M. Z. (2024). Al-Barakah dan Tabarruk, Satu kajian literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 394 – 405.

Abstract: *Tabarruk dengan orang soleh merupakan isu yang menjadi perdebatan pendapat di kalangan masyarakat, sekalipun ianya disebut merupakan isu khilafiyyah. Namun, terdapat pandangan yang melihat amalan ini bertentangan dengan Akidah Islam. Selain itu perbincangan berkaitan tabarruk kurang dibahaskan secara terperinci dan masih kurang difahami serta dianggap terasing dari ajaran Islam. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sumber literatur berkaitan tabarruk dengan orang soleh. Kajian ini mengutamakan metod analisis kandungan yang bersifat deskriptif. Dapatan kajian mendapati sumber-sumber literatur perbincangan tabarruk dengan orang soleh telah dibahaskan di dalam sumber tafsir, Hadis, sumber literatur Akidah dan tasawwuf serta perbahasan hukum dari kalangan fuqaha. Penemuan ini membuktikan tabarruk dengan orang soleh bukanlah amalan baru, namun ianya telah mendahului perbincangan Ulama silam dan kontemporari yang perlu diadaptasi sebagai satu panduan untuk masyarakat hari ini.*

Keywords: *al-Barakah Tabarruk, Kajian iteratur*

Abstract: *The issue of asking blessing is a matter of debate among Muslims today, even though it is called a question of khilafiyyah. However, some opinion sees this practice as contrary to Akidah. So, this study was conducted to explain the blessings and asking blessings based on literary sources. This study focuses on the method of library study and content analysis. In closing, the study finds discussions relating to blessings and methods of asking for blessings have been discussed in Islamic books such as Tafsir, Hadith, Akidah, and Sufi literary sources. Regarding a practical point of asking blessing, this practice also was related to the Fiqh study.*

Keywords: *Blessing, asking blessings, literature study*

Pengenalan

Tabarruk merupakan amalan mengambil berkat seperti *tabarruk* dengan membaca al-Quran atau ayat-ayat tertentu untuk tujuan kesembuhan pada bila-bila masa dan waktu. Menjadi adat masyarakat membudayakan bacaan Yasin pada malam jumaat. Ianya tidak berakhir hanya bacaan Yasin, namun menjadi kebiasaannya ia disusuli dengan bacaan tahlil, beserta bacaan Surah al-Ikhlâs dan doa (Salleh & et al., 2020). *Tabarruk* dengan orang soleh yang berlandaskan sunnah diajarkan oleh nabi s.a.w seperti amalan *tahnîk* yang menjadi adat dan budaya masyarakat setempat ketika menyambut kelahiran bayi. Amalan *tahnîk* dilakukan kepada bayi yang baru dilahirkan, ianya adalah bersandarkan hadis-hadis sahih yang mana baginda Nabi s.a.w mendoakan keberkatan pada bayi dan anak kecil. Kata Abi Musa: *Aku dikurniakan seorang anak lelaki, lalu aku membawanya kepada Rasulullah, baginda menamakannya dengan nama Ibrahim dan mentahnikannya dengan sibiji tamar* (Hadis Sahih Riwayat Muslim) Menurut pandangan Ulama berdasarkan amalan *tahnîk* yang dilakukan oleh Rasulullah, disunatkan kepada mereka yang dikurniakan bayi yang baru lahir untuk ditahnikkan dan didoakan oleh orang-orang soleh dengan kabaikan dan keberkatan kepada bayi tersebut (al-Khin, al-Bugha, & al-Syirbaji, 1996). Amalan sunnah disepakati Ulama.

Selain dari itu, amalan *tabarruk* turut dibincangkan dari segi *tabarruk* dengan masa, tempat, individu, barang peninggalan dan sebagainya. Ketika baginda masih hidup, para sahabat bertabarruk dengan zat baginda s.a.w (Chodijah & Naimah, 2022). Setelah wafat sahabat bertabarruk dengan menggunakan barang peninggalan baginda seperti baju, cincin, *burdah* dan cawan Nabi. Dari segi *tabarruk* dengan zat Nabi, terdapat pandangan berpendapat perkara ini hanya dikhususkan kepada Rasulullah sahaja dan ianya tidak boleh dikiaskan kepada orang biasa. Begitu juga dengan tempat yang padanya kesan dan *athar* Rasulullah tidak diharuskan bertabarruk pada tempat tersebut antaranya seperti Gua Hira dan Bukit Sur kerana ianya merupakan amalan bid'ah (Ibrahim & Aba Husain, 2014). Pandangan ini juga menyokong amalan memohon bantuan dengan perantaraan Rasulullah adalah merupakan amalan syirik (Rosman et al., 2018).

Seterusnya *Tabarruk* dengan orang soleh adalah dengan mengambil berkat individu tertentu seperti Ulama dan orang-orang yang bertaqwa. Amalan mengambil berkat ulama adalah melalui berkat ilmu yang dipelajari darinya, doa mereka, minum dari bekas minuman, bersalaman dan mencium tangan serta menziarahi tanah perkuburan mereka. Namun, terdapat amalan dan adat masyarakat yang dilihat menyalahi tuntutan syarak, antaranya seperti amalan menziarahi kubur atau makam orang tertentu untuk mencapai hajat dan bertabarruk dengan makam tersebut seperti mempercayai animisme (Shamsu & Mohd Salleh, 2021). Pendapat yang sama juga menyebut, sesiapa yang menyeru orang yang mati atau orang yang telah tiada dari kalangan para Nabi dan orang soleh sebagai cara untuk memohon bantuan, ianya merupakan syirik yang besar. Apatah lagi menganggap berdoa di kubur merupakan tempat mustajab, perkara ini merupakan amalan yang menyalahi agama (Al-Qahtani, 1999).

Dalam berhadapan pelbagai amalan *tabarruk*, terdapat pandangan yang mengharuskan amalan seperti ini dijalankan dan ada pula yang menolak. Walaubagaimanapun dalam isu ini, pandangan mereka yang berautoriti dari kalangan Ulama dan fuqaha perlu diberi keutamaan. Selain itu, perbincangan *tabarruk* perlu difahami dalam konteks ilmiah berbanding mensensasikan isu ini menjadi satu kontroversi sehingga mencetuskan perpecahan dan perbalahan yang tidak berkesudahan.

Definisi al-Barakah dan Tabarruk

Istilah *tabarruk* atau mengambil berkat telah menjadi sebahagian dari amalan sosial masyarakat masa kini. Ianya juga merupakan sesuatu yang tidak asing serta menjadi amalan mereka seperti ambil berkat al-Quran dengan membaca ayat atau surah-surah tertentu untuk penyembuhan, ambil berkat tok guru dengan memohon guru mendoakan kita dan sebagainya. Namun begitu, terdapat pandangan yang menilai perbuatan atau amalan ini tidak selari dengan ajaran Islam. Walaubagaimanapun perbezaan pandangan dalam perkara ini, sewajarnya perlu diteliti dan difahami dengan jelas melalui kajian literatur-literatur terdahulu, agar ianya dapat memberikan pencerahan yang tuntas terhadap permasalahan *tabarruk*.

Menurut *Mujam al-Tahzib al-Lughah* *tabarruk* berasal dari kalimah *baraka*. Al-Barakah bermaksud limpahan kebaikan dan kenikmatan serta kebahagiaan (Al-Azhari, 2002) Pengertian ini memberi makna sesuatu yang berkat senantiasa membawa kebaikan yang berkekalan dan berpanjangan serta nikmatnya bertambah-tambah dan melimpah. Dalam erti yang seiring, *tabarruk* membawa erti sebagai amalan mengambil berkat seperti mengambil berkat al-Quran dan selainnya. (Hamid, 2008) Amalan mengambil berkat al-Quran boleh dilakukan dengan melazimi bacaan al-Quran setiap hari, mempelajarinya serta menghafal sepertimana diuraikan dalam *Mu'jam al-Lughah* iaitu *tabarruk* membawa erti mengambil berkat al-Quran atau peraktis mengambil berkat guru dengan menziarahi guru atau Ulama yang terkenal sebagai orang yang soleh (Mukhtar & Abdul Hamid, 2008) Amalan ziarah orang alim yang soleh boleh diertikan sebagai amalan penuntut ilmu, atau kebiasaannya menghadiri majlis ilmu yang disampaikan ulama sebagai mengambil berkat si alim. Membiasakan diri duduk di majlis orang soleh atau bergaul dengan mereka semestinya membawa manfaat dan kebaikan yang banyak.

Berdasarkan dalil Quran yang menyentuh berkaitan *tabarruk*, Ulama tafsir menghuraikan keberkatan utama yang menjadi paksi barakah adalah keberkatan Allah. Sifat Allah yang menjelaskan pengertian *tabaraka* yang diertikan sebagai kekuasaan Allah yang wujud dari sifat-sifat Allah. Allah sahaja pemilik mutlak segala kekuasaan, nikmat pemberian Allah begitu luas sehingga meliputi segalanya serta menurunkan berkat yang berpanjangan (al-Zuhaili, 1991). Berdasarkan Firman Allah: (*Maha berkat serta Maha Tinggilah kelebihan Tuhan yang menguasai pemerintahan dunia dan akhirat, dan ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu*) (al-Mulk:1) . Kekuasaan Allah atau sifat *qudrah* Allah terdiri dari sifat *thubutiyyah* yang wajib diimani yang mana sifat *Qudrah* membuktikan Allah berkuasa pada setiap sesuatu (Syed, 2000) *Al-Qudrah* merupakan sifat Allah yang terbina dari nama Allah *al-Qadir*, sesiapa yang mengenal sifat *Qudratullah*, maka dia akan menjalankan ketaatan dan memelihara dirinya dari terjerumus kelembah kebinasaan (Al-Qushairi, 2001).

Antara contoh sifat *Qudrah* melalui Sunnah Rasulullah, Nabi s.a.w mengetengahkan kaedah rawatan penyakit hanya dengan membaca doa untuk beroleh kesembuhan (Jauhari & R., 2017) Nabi s.a.w mengajarkan orang yang sakit membaca doa berikut: *Letakkan tanganmu pada tempat yang kamu rasa sakit di bahagian jasadmu dan bacalah bismillah tiga kali, dan bacalah أعوذ بالله وقدرته من شر ما أجد وأحاذر sebanyak tujuh kali* (Hadith Sahih Riwayat Muslim). Menifestasi dari sifat *Qudrah* Allah, maka terlahirlah keberkatan dalam pelbagai sudut sebagaimana dinyatakan dalam konteks keberkatan di dalam al-Quran dan Hadis.

Objektif Kajian

Menjelaskan al-barakah dan *tabarruk* berdasarkan sumber literatur Al-Quran, Hadis serta pandangan Ulama.

Kajian Literatur

Perbincangan konteks al-Quran berkaitan *al-Barakah* mempunyai hubungan dengan amalan tabarruk yang pelbagai termasuk *tabarruk* dengan orang soleh. Seterusnya kaedah *tabarruk* dirujuk berdasarkan amalan Nabi dan para sahabat serta kaedah *tabarruk* dengan orang soleh dihuraikan oleh para Ulama. Secara terperinci perbincangan berkaitan *tabarruk* akan dijelaskan berdasarkan topik-topik seperti berikut.

Berkat Masa

Berkat di dalam al-Quran di jelaskan dalam beberapa keadaan seperti berkat waktu, maksud firman Allah: (*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat*) (al-Dukhan: 3). (*Sesungguhnya kami menurunkannya pada malam al-Qadar*) (al-Qadar:1). Ramadhan merupakan bulan yang berkat padanya terdapat malam al-Qadar, padanya al-Quran diturunkan. Firman Allah yang bermaksud: (*Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia*) (al-Baqarah:185). Ramadhan bulan keampunan, bulan dimustajabkan doa, bulan disegerakan nikmat, bulan kejayaan dan bulan munajat (al-Qushairi, 2007). Disebabkan berkat Ramadhan dan ganjaran yang disediakan Allah, maka setiap muslim berlumba-lumba mempelbagaikan ibadah dan bertabarruk dengan waktu yang singkat ini kerana keberkatan yang disebut di dalam al-Quran menjelaskan berkat di sini terikat dalam konteks masa yang tertentu iaitu sepanjang bulan Ramadhan. Jika dikaji lebih meluas, terdapat banyak ibadah di dalam Islam dikaitkan dengan masa, seperti waktu sahur, puasa, zakat fitrah, ibadah Haji dan sebagainya.

Berkat Tempat

Seterusnya berkat tempat dijelaskan al-Quran antaranya tersebut di dalam hadis, antaranya kelebihan masjid Quba' dan seluruh masjid di muka bumi. Semuanya merupakan tempat ibadah orang-orang soleh yang diberkati. Firman Allah yang bermaksud: (*Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia*) (Ali Imran: 96). Berkat di sini adalah kerana adanya *baitullah* yang menjadi qiblat utama umat islam serta tempat utama ibadah tawaf dan haji bagi mereka yang melaksanakan ibadah umrah dan haji (al-Zamahsyari, 1947). Nabi s.a.w ketika melakukan ibadah umrah dan haji, baginda memuliakan hajar al-Aswad dengan mencium batu syurga tersebut. Menurut al-Zahabi, memuliakan sesuatu yang dimuliakan Allah dan Rasul merupakan kaedah tabarruk untuk mendekatkan diri kepada Allah (Al-Zahabi, 2002). Firman Allah berkaitan maqam Ibrahim, (*Jadikanlah oleh kamu maqam (tempat berdiri Nabi Ibrahim ketika membina Kaabah) Ibrahim tempat solat*)(al-Baqarah: 125). Dimaksudkan maqam Ibrahim adalah seluruh kawasan masjidil Haram. Sekitar Masjid al-Haram terdapat banyak tempat yang dimustajabkan doa dan tempat yang mulia seperti *baitullah*, bukit Sofa dan Marwah dan sebagainya.

Selain itu al-Quran menjelaskan keberkatan al-Aqsa dan sekitarnya sebagai tanah yang berkat. Firman Allah: (*Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya,*) (al-Israa : 1). Tanah ini penuh berkat dan sejarah kenabian serta ianya merupakan kampung halaman kebanyakan para Nabi. Tanah yang berkat ini dipenuhi maqam-maqam para Nabi dan orang soleh sejak sekian lama (Al-Qurtubi, 1963). Namun tempat yang berkat ini, untuk mempertahankannya sahaja dari musuh Islam perlu dipertaruhkan jiwa dan darah, pengorbanan serta keimanan yang tinggi. Sumbangan Uthmaniyyah dalam membangunkan dan mempertahankan al-Aqsa menjadi saksi keteguhan iman khalifah terakhir

Islam membela al-Aqsa dari Zionis (Mohd Nor & Ali, 2018). Konflik Palestin Zionis sehingga kini menyaksikan tanah ini menyimpan jutaan syuhada yang terkorban.

Nabi s.a.w telah lama memberi saranan supaya menziarahi tiga masjid yang utama, sabda Nabi s.a.w: *Janganlah kamu bepergian kecuali ke tiga buah masjid: Masjidil Haram, masjid Rasulullah dan masjid al-Aqsa* (Hadis Sahih Riwayat al-Bukhari). Disebabkan kerinduan umat baginda, mereka sanggup datang dari pelbagai negara dan mengumpulkan harta sendiri demi untuk menziarahi makam Nabi di Madinah. Masjid Nabawi terletak di Madinah yang menjadi kunjungan seluruh umat Nabi setiap waktu. Di dalam masjid berkubah Hijau ini disemadikan jasad baginda s.a.w. Begitu juga di dalam masjid Nabi terdapat Raudhah yang menjadi tumpuan setiap mereka yang hadir untuk solat dan berdoa di situ kerana ianya merupakan mihrab Nabi Muhammad dan tempat dimustajabkan doa serta disebut taman syurga. Sabda Nabi s.a.w: *Antara rumahku dan mimbarku terdapat taman di antara taman syurga* (مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمِئْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ) (Hadis Sahih Riwayat al-Bukhari). Kelebihan Madinah antara lain telah disebutkan oleh baginda, Nabi s.a.w: *Siapa yang berkemampuan untuk meninggal dunia di Madinah, maka meninggallah di sana kerana aku akan memberi syafaat kepada mereka yang mati di sana* (Hadith Riwaya al-Tirmizi).

Selain Mekah dan Madinah yang ternyata mempunyai keistimewaan dan keberkatan yang tersendiri, nabi s.a.w juga mendoakan keberkatan pada tanah Syam dan Yaman, Sabda Nabi s.a.w : *(Ya Allah berkati Syam dan Yaman kami)* (Hadith Sahih al-Bukhari) Menurut pandangan ahli Hadis, Nabi mendoakan keberkatan Syam dan Yaman kerana baginda mengetahui perkara-perkara ghaib yang akan berlaku di akhir zaman. Berdasarkan tinjauan Hadis akhir zaman, negeri Syam mempunyai keutamaan buat umat Islam di akhir zaman. Berdasarkan pemetaan geografi yang terkini, negeri Syam setelah zaman penjajahan ianya telah dipecahkan kepada empat negara iaitu Lubnan, Jordan, Syria dan Palestin. Manakala Yaman berada di laut merah sepertimana sekarang.

Berkat al-Quran

Berkat al-Quran firman Allah yang bermaksud: *(Dan ini (Al Quran) adalah kitab yang telah Kami turunkan yang diberkati; membenarkan kitab-kitab yang (diturunkan) sebelumnya)* (al-An'am: 92). Al-Quran merupakan wahyu terakhir yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Al-Quran menyimpan kandungan Akidah, Syariah, muamalah dan akhlak serta bersifat penyembuh segala penyakit. Kaedah *Tabarruk* dengan al-Quran antaranya dengan membaca surah-surah tertentu untuk kesembuhan. Ianya telah dibuktikan berdasarkan kajian terhadap 20 responden pesakit kanser membuktikan, pesakit kanser yang melazimi bacaan *ruqyah* dapat meningkatkan kualiti spiritual dan kekuatan jiwa serta memberi impak yang lebih baik dan sehat terhadap emosi. Perkara ini berbeza terhadap pesakit kanser yang tidak melazimi *ruqyah* dan zikir (Satrianegara, F., & Mallongi, 2020). Kitab mukjizat ini membuktikan al-Quran mampu merawat pelbagai masalah berhubung jiwa, emosi, tekanan yang melampau. Ini membuktikan al-Quran kitab wahyu yang relevan sepanjang zaman dan mampu memberi solusi sebagai terapi emosi yang terbukti memberi kesembuhan yang baik dan berkesan (Kamaruddin, Tengku Zawawi, al-Siddiq Che Ahmad, & Abdul Rahman, 2023). Selain itu kajian lain menjelaskan dengan mendengar bacaan al-Quran ianya akan memberi kesan positif dan dapat membantu seseorang untuk tenang. Implikasi positif bacaan al-Quran dapat memberi kerehatan jiwa dan menjauhkan nilai negatif, keresahan, kemurungan dan tekanan (Moulaei, Haghdoost, Bahaadinbeigy, & Dinari, 2023). Al-Quran merupakan kitab mukjizat, membacanya mendapat pahala dan syafaat di akhirat.

Berkat *Athar* (Kesan Peninggalan)

Keberkatan doa Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail meninggalkan athar dan kesan sepertimana yang terdapat di Mekah, sehingga saat ini, kita masih dapat merasai rezeki dan athar yang wujud di tanah Mekah seperti tempat-tempat yang mustajab, bahkan pahala ibadah di masjidil Haram, serta ganjaran ibadah Haji dan Umrah. Allah juga mengurniakan keberkatan minuman yang dikenali air zam-zam berkat dari *athar* Nabi Ismail dan ibunya Hajar. Zam-zam merupakan air mata air yang melalui sejarahnya dari kisah Nabi Ismail dan bondanya Hajar. Sifat air yang berkat ini, tidak sekali pernah kering atau habis, air zam-zam dinamakan sebagai *barakah wa mubarakah*, kerana ianya mempunyai keistimewaan yang banyak dari segi kesembuhan penyakit. Kajian medikal dan saintifik membuktikan kebaikan air zam zam berpotensi sebagai anti-diabetik, antioksidan, anti-radang dan anti-apoptotik (Maleky, Mahfoz, Osman, & El-Latif, 2021). Air Zamzam mempunyai kesan perlindungan tisu yang bertentangan dengan malignansi atau ciri-ciri kanser. Air Zamzam bebas patogen menyebabkan tiada pertumbuhan bakteria (Mahmoud et al., 2020). Penemuan klinikal yang sama juga menyebut, air Zamzam boleh mempunyai kesan neurologi positif, termasuk peningkatan kognitif, sifat antioksi dan kesan anti-radang serta perlindungan saraf (Abuelhaija et al., 2023). Selain itu kepekatan arsenik dalam air Zamzam menghasilkan arsen trioksida (anti-leukemia). Kesan antioksi dan keseluruhan air Zamzam sangat menyokong peranan terapeutiknya sebagai air antitoksik (Aljuhani, 2020). Air Zamzam menunjukkan keberkesanan terapeutik yang berpotensi untuk kanser paru-paru dengan mengurangkan kelangsungan sel dan menyebabkan kematian sel dalam kanser paru-paru manusia Omar (Omar, Doghaither, Rahimulddin, Zahrani, & Al-Ghafari, 2017). Hasil kajian klinikal dan penemuan medikal rawatan penyakit berasaskan air zamzam ini membenarkan lagi sabda Nabi s.a.w :

خَيْرُ مَاءٍ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ مَاءُ زَمْزَمَ ، فِيهِ طَعَامٌ مِنَ الطَّعْمِ ، وَ شِفَاءٌ مِنَ السُّقْمِ

Maksudnya: *Sebaik-baik air di atas muka bumi adalah air Zamzam, padanya terdapat makanan yang mengenyangkan dan penawar penyakit*

(Hadis sahih Riwayat Ibn Hibban)

Berkat *Zat*

Di dalam al-Quran Allah menjelaskan berkat (zat) individu iaitu para Nabi, Maksud firman Allah: *(Dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada)* (Maryam: 31) Berkat Nabi Isa merujuk kepada sifat baginda yang menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran (Al-Ghornati, 2010). Baginda mempunyai ketinggian nilai budi dalam etika dan akhlak (Al-Sayuti, 2011). Berdasarkan sumber rujukan Tauhid, menjadi keimanan pada tanda-tanda kiamat yang besar itu dengan mempercayai *al-Samiyyat* bahawa Nabi Isa masih hidup dan akan turun di akhir zaman. Firman Allah yang bermaksud: *(Dan segala keselamatan serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku dilahirkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat))* (Maryam:15). Semulia-mulia keberkatan zat itu ada pada Rasulullah s.a.w, seluruh sudut kehidupan Nabi s.a.w penuh keberkatan sama ada daripada risalah yang disampaikan, dakwah baginda, kitab wahyu yang diturunkan serta umat baginda s.a.w. Bahkan di setiap solat yang dilaksanakan, seluruh umat baginda akan mendoakan kesejahteraan dan keberkatan buat junjungan mulia serta berselawat ke atas baginda dengan selawat Ibrahimiyah sebelum memberi salam. (al-Zahrani & al-Qursyi, 2020). Sabda Nabi s.a.w:

السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته

(Hadis Sahih Riwayat al-Bukhari).

Al-Quran mengingatkan berkat individu yang soleh yang mendapat didikan seorang Nabi seperti kisah Maryam. Seorang wanita solehah yang suci dari melakukan dosa-dosa. Maksud firman Allah: *(Dan (ingatlah) ketika Malaikat (Jibril) berkata: "Hai Maryam, sesungguhnya Allah telah memilih kamu, mensucikan kamu dan melebihkan kamu atas segala wanita di dunia (yang semasa dengan kamu) (Ali Imran :42). Maryam seorang Wanita yang kuat beribadah sehinggakan Allah menurunkan rezeki dari langit yang merupakan buah-buahan. Firman Allah bermaksud: (Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, ia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya: "Wahai Maryam dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?" Maryam menjawab; "Talah dari Allah,(Ali Imran: 37).*

Sepertimana gambaran al-Quran, hasil didikan tarbiyah dari seorang Nabi, Maryam mempunyai keteguhan iman yang tinggi, keyakinan pada rezeki Allah sehinggakan setiap kali Zakaria masuk ke Mihrab Maryam, baginda mendapati terdapat rezeki makanan di sisi Maryam. Melihat kemurahan rezeki Allah yang dikurniakan kepada Maryam yang kuat bertaqarrub dan melakukan ketaatan, maka ketika itu juga Nabi Zakaria berdoa memohon rezeki dari Allah agar dikurniakan zuriat: *Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: "Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan"* (ali Imran: 38-39). Situasi ini membuktikan Nabi Zakaria berdoa di tempat yang baik iaitu Mihrab Maryam dan di sisi orang soleh.

Begitu juga al-Quran menjelaskan pengajaran kisah orang soleh yang mendampingi orang yang soleh seperti kisah pertemuan nabi Musa dan Khaidir dalam mencapai tujuan menuntut ilmu, sedangkan Musa seorang Nabi merendahkan dirinya mencari Khaidir untuk menuntut ilmu. Allah memuliakan Khaidir dan mengangkat ilmunya dalam kelebihan ilmu *ladunni*. Selain itu kisah si Qitmir, seekor anjing yang mendampingi pemuda al-Kahfi, namanya tercatat dalam kisah pemuda al-Kahfi walaupun ianya hanya seekor haiwan (Mas'ad bin Kamil, 2006). Itulah sebahagian gambaran al-Quran kebaikan dan manfaat bila manusia memelihara hubungan yang baik dengan orang-orang soleh. Selain gambaran orang soleh disebut secara khusus di dalam al-Quran seperti Nabi-nabi dan orang-orang soleh yang mempunyai keistimewaan dan karamah seperti Maryam yang dikurniakan hidangan dan rezeki dari Allah serta pemuda al-Kahfi diselamatkan akidah mereka dan ditidurkan beratus tahun, kemudian bangun semula, terdapat juga gambaran orang soleh yang disebut secara umum seperti, *al-sabirin, al-Sadiqin, al-Qanitin, al-Mustagfirin, al-Ulama, al-Auliya* dan selainnya.

Tabarruk Dengan Zat Rasulallah

Berdasarkan sumber hadis terdapat amalan tabarruk yang dilakukan oleh nabi s.a.w, seperti menyantuni dan memuliakan serta mengembirakan kanak-kanak dengan mengusap kepala dan wajah mereka (al-Shahud, 2009). *Daripada Aisyah R.A katanya, dibawa kepada baginda s.a.w dua orang bayi, lalu Nabi memberkati keduanya, mentahnikkan keduanya dan mendoakan mereka* (Hadith Sahih Riwayat al-Bukhari). Seterusnya baginda s.a.w meraikan orang yang membawa bekas-bekas air di Madinah dengan mencelupkan jarinya ke dalam air tersebut sebagai menyempurnakan hajat mereka yang bertabarruk dengan Rasulallah untuk kesembuhan dari air yang disentuh oleh Rasulullah s.a.w.(Hadis Sahih Riwayat Muslim).

Selain itu terdapat hadis-hadis yang menjadi rujukan bahawa para sahabat bertabarruk dengan zat Nabi. Antaranya para sahabat bertabarruk dengan rambut Nabi. Ketika Nabi bercukur, para sahabat mengelilingi Nabi untuk mengambil setiap helaian rambut nabi s.a.w sehingga tidak

sempat rambut tersebut jatuh ke tanah (Nawawi Zakaria, 1994). Dalam sebuah hadis sahabat menyebut (*Aku melihat Rasulullah s.a.w bercukur dengan tukang cukur, dan para sahabat mengelilingi sekitar Rasulullah s.a.w, dan mereka tidak mahu sehelai pun rambut Rasulullah gugur kecuali di tangan mereka*)(Hadis Sahih Riwayat Muslim). Menurut Ibn Hajar al-Asqalani amalan mengagihkan rambut Rasulullah merupakan kaedah sahabat dalam bertabarruk dengan rambut baginda Nabi s.a.w, amalan tabarruk seperti ini sangat disukai sahabat ibarat mereka mendapat hadiah dari Rasulullah (Al-Asqalani, 2005). Ummu Sulaim menghimpunkan keringat Nabi sebagai minyak wangi dengan memasukkan keringat Nabi ke dalam bekas minyak wangi (Hadis Sahih Riwayat Muslim). Setelah kewafatan baginda Nabi s.a.w, maqam baginda yang terletak di Madinah sentiasa dikunjungi oleh umat baginda saban waktu. Kerinduan para sahabat kepada Rasulullah membuatkan antara mereka menyentuh dan mengusap tanah perkuburan Rasulullah. Selain itu kecintaan dan kerinduan para sahabat membuatkan mereka menangis di sisi maqam Nabi s.a.w dan ada pula menziarahi maqam nabi yang mulia untuk bertabarruk. Abu Ayyub ketika menziarahi maqam Rasulullah, beliau meletakkan wajahnya di atas kubur Nabi (Al-Yafii, 2010).

Jadual 1: Jadual dibawah menunjukkan hubungan kait di antara *al-Barakah* dan *Tabarruk*

<i>Al-Barakah</i>	<i>Tabarruk</i>
Masa	Bulan Ramadhan dan Malam al-Qada
Tempat	Masjidil Haram, Masjid Nabawi, al-Aqsa, Syam dan Yaman
Al-Quran	Penawar (Syifa), mendapat pahala membaca dan beramal
Athar	Air Zam-zam, Maqam Ibrahim, Baju Nabi Yusof, <i>Athar</i> Nabi Muhammad
Zat Individu	Nabi, Ulama, <i>Awliya</i> dan Orang Soleh

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan analisis kandungan berdasarkan sumber literatur melalui kajian perpustakaan dari sumber kitab-kitab *turath* dan sumber secara atas talian seperti jurnal-jurnal terkini.

Pandangan Ulama Berkaitan Tabarruk

Dalam memahami kaedah *tabarruk* dengan orang soleh, sewajarnya amalan sahabat perlu menjadi rujukan utama. Berdasarkan amalan para sahabat, para sahabat pernah mencari dan menemui seorang soleh yang bernama Uwais al-Qarni kerana ingin bertabarruk dengan doa Uwais. Diriwayatkan bahawa Saidina Umar mencari Uwais al-Qarni sebagaimana disarankan oleh Nabi dan bertabarruk dengan Uwais kerana beliau merupakan anak yang bertanggungjawab kepada ibunya serta seorang yang dima'qbulkan doa. Uwais merupakan seorang *Tabiin* yang disebut oleh baginda Nabi s.a.w. Saranan Nabi memperlihatkan kelebihan mendampingi dan menemui orang yang soleh, kerana ibadah orang soleh tersebut dalam keadaan dekat dan diterima Allah. Uwais dikenali dengan sifat zuhud, dan mempunyai karamah serta ibadahnya telah mencapai tahap para *awliya* (Bari & Daud, 1999).

Al-Quran merakamkan kisah karamah orang-orang soleh antaranya kisah Maryam, pemuda al-Kahfi lambang pemuda yang menjunjung iman dan tauhid, terselamat iman dan jasad mereka selama berada di dalam gua al-Kahf. Zulkarnain dikurniakan karamah pemerintah yang bertaqwa menguasai kerajaan timur dan barat, Khaidir seorang yang soleh dikurniakan kelebihan ilmu kurniaan Ilahi. Keempat-empat kisah orang-orang soleh ini dijelaskan dalam surah al-Kahfi. Bertabarruk dengan wali Allah yang soleh, bukan bermaksud menyembah selain Allah, tetapi bertabarruk dengan hamba Allah yang ikatan rohaninya sangat dekat dengan Allah (Al-

Zahabi, 2002). Imam Syafie merupakan Ulama yang terkenal, beliau tidak sunyi dari mengamalkan *tabarruk* dengan orang soleh di mana beliau merendam baju Imam Ahmad dan bertabarruk dengan baju Iman Ahmad (Khatthar Muhammad, 1999). Sehubungan dengan itu amalan setengah masyarakat yang memuliakan guru, mereka bertabarruk dengan cara mencium tangan, berdasarkan pandangan Ulama mencium tangan orang soleh juga dibenarkan berdasarkan niat (Al-Aini, Abu Muhammad, 2001).

Dalam kalangan Ulama Hadith, mereka memuliakan Rasulullah dengan memelihara adab menuntut ilmu dan mendengar hadis, dengan cara berwuduk sehinggakan mereka tidak membaca Hadis kecuali dalam keadaan berwuduk kerana menganggap sabdaan nabi s.a.w sangat mulia, amalan ini menjadi amalan para *tabiin* seperti Qatadah, Malik bin Anas dan al-A'mash (Al-Hudhairi, 2006). Begitu juga amalan Imam al-Bukhari dalam menyusun hadis sahih, selama enam belas tahun, kata beliau, aku tidak akan menulis hadis ke dalam buku catatan kecuali setelah aku bersuci serta melakukan solat sunat dua rakaat. Imam Malik ketika ingin mengajarkan ilmu hadis dari kitab al-Muwata', beliau akan membersihkan diri dan berwuduk, segalanya dilakukan kerana kemuliaan Nabi serta kecintaanku kepada Rasulullah s.a.w. (Tohir & al-Kurdi, 1997). Dalam kaedah menuntut ilmu, amalan *tabarruk* dengan orang soleh yang masih hidup dilakukan dengan cara dengan berkhidmat kepada guru, amalan ini telah diamalkan dalam sistem pengajian pesentrian di Indonesia. Pelajar di minta berkhidmat kepada keluarga kiyai seperti menyediakan makanan dan membasuh baju kiyai (Djakfar & Permatasari, 2020).

Tradisi bertabarruk menziarahi makam wali tidak menyalahi syariat selagi mana orang yang menziarahi makam wali menganggap segala kebaikan dan berkat datang dari Allah, bukan dari mereka yang telah meninggal (Ali Bakry, 2021). Menziarahi makam wali atau tempat yang berkat merupakan tanda kecintaan kepada wali atau pemilik tempat tersebut. Amalan seperti ini hanyalah bertujuan mengharapakan kecintaan Allah dengan menziarahi orang yang dikasihi Allah (Asmaran, 2018). Dalam sebuah kajian etnografi yang bersifat deskriptif kualitatif membuktikan terdapat satu mitos kepercayaan masyarakat yang mempercayai berdoa di makam wali menjadikan doa mereka mudah dikabulkan. Antara amalan lain yang dilakukan ketika berdoa di sini, sebelum berdoa di sisi makam, mereka akan mendahulukan amalan sedekah, selawat, zikir, membaca Yasin dan Tahlil serta selawat (Roifah, 2023). Al-Ghazali menyatakan menziarahi kubur para Nabi, sahabat, Ulama, Auliya dan orang soleh untuk bertabarruk ketika mereka masih hidup atau setelah mereka meninggal diharuskan. Ianya termasuk dalam perbincang menziarahi tempat yang baik. Namun menziarahi mereka ketika masih hidup lebih baik dari menziarahi mereka setelah mereka tiada. Ziarah ketika mereka masih hidup dapat memberikan faedah dan kelebihan dengan mengharapakan doa mereka dan berjumpa dengan mereka secara langsung dapat menteladani akhlak dan budi pekerti mereka (al-Ghazali, 2005).

Tabarruk dengan athar peninggalan Nabi s.a.w, sama seperti tabarruk dengan Nabi ketika masih hidup. Jika merujuk kepada amalan sahabat, mereka bertabarruk dengan zat Nabi s.a.w serta *athar* Nabi s.a.w, bahkan Nabi s.a.w tidak pula melarang amalan tersebut. Berlanjutan dari amalan sahabat, para *tabiin* juga orang-orang soleh turut ingin bertabarruk dengan *athar* Nabi s.a.w setelah Nabi wafat, ianya bukan satu amalan yang dilarang (al-Syirbani, 2022). Setelah kewafatan Nabi s.a.w para sahabat mengambil dan menyimpan barang-barang peninggalan Nabi s.a.w antaranya bekas minuman Nabi, rambut Nabi, pakaian Nabi dan sebagainya untuk bertabarruk. Tidaklah para sahabat menyimpan *athar* Nabi disebabkan kepercayaan karut atau magis pada barang peninggalan tersebut, namun atas rasa memuliakan Nabi s.a.w serta sebagai pengubat rindu mereka kepada baginda s.a.w. (Tohir al-Kurdi, 1997).

Dalam meneliti pandangan Ulama berkaitan tabarruk, terdapat iktilaf Ulama berkaitan amalan tabarruk. Perkara ini perlu diterima sebagai masalah khilaf di antara Ulama dan tidaklah sehingga menyalahkan pihak tertentu. Walaupun terdapat perbezaan pandangan berkaitan amalan tabarruk, perbezaan aliran pemikiran dan mazhab tidak perlu dicetuskan sehingga mempengaruhi masyarakat kearah perpecahan (Jalalludin, Abdul Razak, & Lubis, 2019). Menjadi kewajiban setiap muslim untuk memahami batasan syariat dalam setiap ibadah. Ianya merupakan elemen yang signifikan dalam menentukan kualiti ibadah, justeru itu fatwa Ulama setempat berkaitan isu-isu tabarruk dan isu-isu yang sering berbangkit perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum mencetuskan perbalahan dan pertengkar dalam sesuatu isu agama. Sudah tentu amalan yang berlebihan yang tidak didasari kefahaman akidah, syariah dan tasawwuf akhirnya akan menjadi sia-sia. Maka perlulah setiap amal ibadah diteliti dengan ilmu berbanding dengan menghukum.

Kesimpulan dan Perbincangan

Kajian literatur berkaitan tabarruk ini jelas membuktikan perbincangan amalan tabarruk telah lama menjadi perhatian Ulama muktabar sejak sekian lama sehingga kini. Namun di era ini isu-isu tabarruk yang berbangkit ianya dilihat sebagai isu yang bertentangan dengan akidah, bahkan turut dikatakan sebagai amalan bid'ah. Walaupun begitu, tidak dinafikan amalan tabarruk yang berlebihan sehingga tidak didasari ilmu dan akidah yang sebenar perlu dibendung. Berdasarkan itu para fuqaha telah menggariskan hukum bertabarruk supaya ianya lebih jelas untuk dijadikan pedoman dan pegangan. Dalam masa yang sama Ulama juga telah mengetengahkan sumber al-Quran, Sunnah, amalan sahabat, tabiin berkaitan amalan ini. Justeru wajarlah al-Quran dan Hadis, amalan sahabat dan tabiin menjadi asas utama rujukan dalam memberi jawapan pada isu-isu agama.

Keperluan masyarakat dalam memahami isu tabarruk sebenarnya telah digariskan dalam perbincangan hukum fekah. Tetapi terdapat pandangan yang melihat isu tabarruk sewajarnya dijelaskan sebagai permasalahan usul akidah. Perkara yang dikaitkan dengan amalan semestinya perlu dipandukan kepada asas hukum. Kekeliruan pada mendefinisikan sesuatu amalan membawa kita kearah kekeliruan faham berkaitan isu-isu agama. Dalam memahami Hadis dan al-Quran, ianya bukan sekadar memahami pengertian secara literal sahaja, bahkan ianya perlu diteliti dan diperhalusi pada setiap ruang perbahasan hadis tersebut. Begitu juga dalam memahami isu Tabarruk, perlulah fatwa Ulama ahli Sunnah Wal Jamaah berkaitan isu ini diberi perhatian dengan sewajarnya seperti merujuk Darul Ifta Mesir atau Jakim sendiri.

Rujukan

- Abbas, A.. (1996) Ahmad bin Umar bin Ibrahim al-Qurtubi, *al-Mafhum lima Asykal min Talkhis Kitab Muslim*, Beirut Dal al-Kalam al-Tayyib
- Abd Rahman Ibrahim, A., & Bin Saad Aba Husain, I.. (2014). Riyadh Saudi: Dar al-Qubus Li Nasyr Wa Tauzi'.
- Abuelhaija, Y., Mustafa, A., Mahmoud, M., Al-Bataineh, H., M., A., ... Alkhader, A.. (2023). *A Systematic Review Of The Neurological Effects Of Zamzam Water*. 18(3), 1255. <https://doi.org/https://doi.org/10.30574/wjarr.2023.18.3.1255>
- Al-Asqalani, I. H.. (2005). *Fath al-Bari Fi Syarah Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar Tayyibah.
- Al-Azhari, .. (2002). *Mu'jam Tahzib al-Lughah* (Cetakan Pertama). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Ghazali, A. H. M. bin M.. (2005). *Ihya Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazim.
- Al-Ghornati, M. Y.. (2010). *al-Bahru al-Muhit fi al-Tafsir*. Dar al-Fikr.
- Al-Hudhairi, A. S. A. L., & Al-Hudhairi, M. al .-H.. (2006). *Mahabbah al-Nabi s.a.w wa Takzimuh*. Riyadh.

- Ali, A. H., & Bakry, M.. (2021). *Studi Kasus Sappa Barakka di Makam Anregurutta Ambo Dalle; Tinjauan Sosiologi Hukum Islam*. 2(2).
<https://doi.org/10.24252/shautuna.v2i2.20591>
- Aljuhani, N.. (2020). *Antioxidant properties of Zamzam water: A review for arsenic concerns and potential modulation of drug toxicity*.
<https://doi.org/https://doi.org/10.24911/ijmdc.51-1604775624>
- al-Khin, M., al-Bugha, M., & al-Syirbaji, A.. (1996). *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab Imam al-Syafie*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Qahtani, S. bin A. bin W.. (1999). *Nur al-Sunnah wa Dhulumat al-Bid'ah fi Dhau al-Kitab wa al-Sunnah*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah Asna' al-Nasyr.
- Al-Qurtubi, M. bin A.. (1963). *Al-Qurtubi (1963), M. bin A. Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, al-Qushairi, A. al .-K. al .-H. bin A. al .-M.. (2007). *Lataif al-Isyārāt Tafsir al-Qushairi*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Qushairi, A. al .-Q. A. al .-K. al .-H.. (2001). *Risalah al-Qusyairiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sayuti, A.-R.. (2011). *al-Durar al-Manthur fi al-Tafsir al-Mathur*. Dar al-Fikr.
- al-Shahud, A. N.. (2009). *Al-Minhaj al-Nabawi fi Tarbiyah al-Atfal*. Pahang Darul Makmur, Malaysia.
- al-Syakrawi, M. al .-M.. (1992). *Tafsir al-Syakrawi*. Mesir: Maktabah al-Usrah.
- al-Syirbani, M. A. M. A. al .-. al .. (2022). *al-Tabarruk bi Athar al-Nabi s.a.w Dirasah Hadisiyyah Ta'siliyyah*. 8, 580–605. Retrieved from <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/66>
- Al-Zahabi, .. (2002). *al-Barakah wa al-Tabarruk min Zahabiyyat al-Hafiz al-Zahabi (2002nd ed.)*.
- al-Zahrani, N., & al-Qursyi, M.. (2020). *Al-Nabi s.a.w Kaannaka Tarah*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al- Malik al-Fahad al-Wataniyah.
- al-Zamahsyari, M. bin U. bin A.. (1947). *al-Kasyaf 'An Haqāiq Ghawamidh al-Tanzīl wa Uyūn al-Aqāwail fi Wujūh al-Takwīl*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-Zuhaili, W.. (1991). *Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj (Cetakan Pertama)*. Damsyiq: Dar al- Fikr.
- Asmaran, A.. (2018). *Membaca Fenomena Ziarah Wali Di Indonesia: Memahami Tradisi Tabarruk Dan Tawassul*. 17(2). <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v17i2.2128>
- Bari, A., & Daud, M.. (1999). *Uwais al-Qarni Said al-Tabiin wa ilm al-Asfiya*. Kaherah: Dar al-Ahmadi li al-Nasyr.
- Chodijah, L. N., & Naimah, F.. (2022). *Tabarruk dalam Pandangan Ulama' Sunni dan Syi'ah dan Implementasinya dalam membangun karakter umat Islam: Studi Komparasi Pemikiran Zaynu Al-Abidin Ba'alawi dan Ja'far Subhani*. 5(1), 105–124.
<https://doi.org/https://doi.org/10.31538/almada.v5i1.1684>
- Dar al-Kutub Al-Misriyyah*.
- Djakfar, F. A., & Permatasari, P. A.. (2020). *Ngabulâ Vis-À-Vis Modernity: Tabarruk Practice in Bangkalan Pesantren*. 28(2). Retrieved from <https://doi.org/10.19105/karsa.v28i2.4026>
- Hamid, .. (2008). *Mukjam al-Lughah al-Arabiyah al-Muasirah*. Kaherah: Alam al-Kutub.
- Jalalludin, K. B., Abdul Razak, K., & Lubis, M. A.. (2019). *Pendidikan akidah asas pembinaan tamadun Islam di Malaysia*.
- Jauhari, M., & R., M.. (2017). *Akidatuna*. Kaherah: al-Azhar Universiti.
- Kamaruddin, K., Tengku Zawawi, T., al-Siddiq Che Ahmad, M., & Abdul Rahman, A.. (2023). *Sufism Approach Through The Blessing of The Quran in Emotional Recovery*. 13(12), 20324. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i12/20324>

- Khatthar Muhammad, Y.. (1999). *Mawsuah al-Yusufiyyah Fi Bayan Adillah al-Sufiyyah* (Cetakan Pertama). Matba'ah Nadhar.
- Mahmoud, H. S., Eltahlawi, R. A., Jan, A. A., Alhadramy, O., Soliman, T. M., El Sayed, S. M., ... Amer, S. M.. (2020). *Zamzam Water Is Pathogen-Free, Uricosuric, Hypolipidemic And Exerts Tissue-Protective Effects: Relieving BBC concerns*. 10(6), 386–396.
- Maleky, W., Mahfoz, A., Osman, A., & El-Latif, H.. (2021). *Investigation of the impacts of zamzam water on streptozotocin-induced diabetic nephropathy in rats. In-vivo and in-vitro study..* 138, 111474. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.biopha.2021.111474>
- Mas'ad bin Kamil, A. R.. (2006). *Sifat al-Jalis al-Soleh wa al-Jalis al-Suk*. Mesir: Maktabah Ibad al-Rahman.
- Mohd Nor, M. R., & Ali, N. Z. Y.. (2018). *Ketokohan dan Sumbangan Sultan Abdul Hamid II Sebagai Khalifah Terakhir Dawlah Uthmaniyyah Berlandaskan Prinsip al-Quran dan al-Sunnah*. 14(1), 101–108. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jmq.v14i1.121>
- Moulaei, K., Haghdoost, A., Bahaadinbeigy, K., & Dinari, F.. (2023). *The Effect Of The Holy Quran Recitation And Listening On Anxiety, Stress, And Depression: A Scoping Review On Outcomes*. 6. <https://doi.org/https://doi.org/10.1002/hsr2.1751>
- Nawawi, Y. bin S., & Zakaria, M. A.. (1994). *Sahih Muslim bi Syarah al- Nawawi*. Beirut: Muasasah Qardobah.
- Omar, U., Doghaither, H., Rahimulddin, S., Zahrani, S., & Al-Ghafari, A.. (2017). *In Vitro Cytotoxic and Anticancer Effects of Zamzam Water in Human Lung Cancer (A594) Cell Line..* 24(3), 15–25. <https://doi.org/https://doi.org/10.21315/mjms2017.24.3.3>
- Roifah, M.. (2023). *Mitos Dan Ritual Dibalik Tradisi Ziarah Wali: Studi Kasus Di Makam Syaikhona Kholil Bangkalan*. 23(1), 24–35. <https://doi.org/https://doi.org/10.30996/parafrase.v23i1.7909>
- Rosman, A. S., Haron, Z., Junaidi, J., Mohd Yusuf, F., Abdullah, M. S. Y., & Mashrom, Z.. (2018). *Tawassul And Istighathah With Prophet Muhammad In The Practice Of Mawlid Berzanji: Tawassul Dan Istighathah Dengan Nabi Muhammad Dalam Amalan Mawlid Berzanji*. 12(2), 22–33. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/161>
- Salleh, N. M., & et al., .. (2020). *Religious Leader's Views Living Hadith Practices in Malaysia..* 5(2), 171–193. <https://doi.org/doi:10.14421/livinghadis.2020.2387>
- Satrianegara, M., F., ., & Mallongi, A.. (2020). *Ruqyah Treatment To The Patients Spiritual Life Quality*. 8(T2), 224–228. <https://doi.org/https://doi.org/10.3889/oamjms.2020.5238>
- Shamsu, L. S., & Mohd Salleh, N.. (2021). *Menelaah konsep Living Hadis dan kaitannya dengan Ihyā' al-Sunnah: satu tinjauan literatur: Revising the concept of Living Hadis and its relationship to Ihyā' al-Sunnah: a literature overview*. 11(21), 733–743. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/hadis.v11i21.145>
- Syed, S.. (2000). *Al-Aqaid al-Islamiyah*. Kaherah: Dar al-Fatah li I'lam al-Arabi.
- Tohir, M., & al-Kurdi, A. al.-Q. bin M.. (1997). *Tabarruk al-Sahabah bi Athar Rasulillah s.a.w Wa Bayan fadlihi al-Azim*. Maktabah al-Kaherah.